



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
Public Service Department Of Malaysia (PSD)  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)  
E-mel (E-mail): [zabidi@jpa.gov.my](mailto:zabidi@jpa.gov.my)

JPA.SARAAN 43/7 Klt.19 (38)

22 April 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBEKUAN CUTI REHAT KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERTUGAS SEMASA PILIHANRAYA UMUM KE-13**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan Cuti Rehat bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya sebagai petugas pilihanraya **dibekukan** mulai **24 April 2013 hingga selesai urusan pilihanraya** bagi memastikan kelancaran perjalanan Pilihanraya Umum Ke-13 yang akan diadakan pada 5 Mei 2013.

3. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**